

Contohi Anwar-Musk mudahkan urusan harian guna teknologi canggih

SAUDARA PENGARANG.

TAHNNIAH kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana berjaya mengadakan pertemuan melalui sidang video bersama Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif SpaceX, Elon Musk baru-baru ini. Satu perkara yang unik adalah proses pertemuan itu dilaksanakan dengan jayanya secara dalam talian. Ini sekali gus membuktikan penggunaan teknologi dapat memberi manfaat besar dalam mengendalikan urusan harian dan kerja.

Semua pihak termasuk golongan pekerja harus mengambil peluang dengan melakukan urusan menggunakan kemudahan teknologi yang ada.

Dengan keadaan dunia yang bergerak pantas pada ketika ini, kita tidak boleh lagi menggunakan kaedah lama dalam urusan harian termasuk mengadakan mesyuarat secara bersemuka.

Sebelum ini, Anwar pernah menyarankan rakyat mengambil langkah berjimat-cermat khususnya dalam pentadbiran kerajaan. Saranan dan usaha yang diambil ini adalah penting di kala negara dan dunia sedang berhadapan keadaan ekonomi tidak menentu dan masalah kos sara hidup.

Terdapat pelbagai cara boleh diambil oleh perkhidmatan awam bagi membelanjakan peruntukan kewangan secara cekap dan tidak membazir, iaitu dengan menggalakkan sesetengah aktiviti dan program berkaitan kerja secara dalam talian seperti mesyuarat, seminar, bengkel, kursus dan lain-lain lagi.

Kemunculan pelbagai jenis teknologi moden pada masa kini juga banyak memberi ruang dan peluang untuk sesetengah jenis

"Dengan keadaan dunia yang bergerak pantas pada ketika ini, kita tidak boleh lagi menggunakan kaedah lama dalam urusan harian termasuk mengadakan mesyuarat secara bersemuka."

pekerjaan dilakukan secara fleksibel melalui dalam talian tanpa perlu berada di pejabat secara bersemuka.

Memandangkan penularan virus Covid-19 dan varian yang dibawanya masih berlaku dalam negara kita serta serata dunia, jadi tidak wajar sesetengah aktiviti atau program dilakukan secara bersemuka di samping membuang masa dan tenaga. Bahkan penjimatan dapat dilakukan apabila tidak lagi perlu menyediakan juadah, menempah bilik atau dewan, alat tulis dan sebagainya.

**PROF. MADYA DR. MUZAFFAR
SYAH MALLOW**
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)